

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 MAC 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kelebihan bertugas dalam Program Felo Perdana guna tarik minat terhadap sains	Utusan Malaysia
2.	Felo Perdana bentuk pemimpin muda dinamik, berdaya saing	Kosmo
3.	Sarawak still ' safe' despite El Nino - Minister	The Borneo Post
4.	Suhu panas di S'wak masih selamat	The Borneo Post
5.	Kedah, Perlis schools reopen	New Straits Times
6.	Schools reopen today in Kedah, Perlis	Malay Mail
7.	'Cloud seeding is an option'	The Sun
8.	Pertimbang pembenihan awan tangani cuaca panas	Sinar Harian
9.	Kurangkan aktiviti luar	Utusan Malaysia
10.	Hujan gerimis jejas pencerapan gerhana bulan di KL	BERNAMA
11.	Sukar dilihat – Lebih 200 pengunjung saksikan fenomena gerhana bulan penumbra di Planetarium	Harian Metro
12.	Pelepasan sisa secara haram mungkin punca air sungai Nyior hitam	BERNAMA
13.	Pelepasan sisa dipercayai punca air Sungai Nyior hitam	Kosmo
14.	ASEANPOL tubuh pangkalan data forensik berkaitan jenayah rentas sempadan	BERNAMA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 9

TARIKH : 24 MAC 2016 (KHAMIS)

Kelebihan bertugas dalam Program Felo Perdana guna tarik minat terhadap sains

PELUANG menyertai Program Felo Perdana mahu digunakan sebaik mungkin bagi membangunkan minat golongan muda terhadap bidang sains.

Niat utama adalah meningkatkan tahap pemahaman dan kecenderungan pelajar dalam bidang yang mempunyai potensi besar dalam kerjaya.

Itu hasrat Lydia Hong Wen Xin, 24, yang berpeluang mengikuti program di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tersebut selama enam bulan dan berakhir bulan Februari lalu.

Bekas pelajar Kolej Universiti London (UCL) itu berkata, sepanjang bertugas di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pelbagai program yang dianjurkan telah memberi pendedahan yang luas kepada dirinya.

Jelasnya, melalui program yang dianjurkan oleh MOSTI, dia lebih memahami tahap kemajuan sains di negara ini dan tindakan sewajarnya harus diambil untuk memantapkan

lagi bidang tersebut.

Katanya, bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, bidang sains perlu dimantapkan bagi melahirkan modal insan yang pakar.

Sehubungan itu katanya, usaha memupuk minat masyarakat dalam bidang sains perlu bermula dari awal, setidak-tidaknya di peringkat sekolah rendah.

"Kerajaan sedang berusaha meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang sains dan MOSTI juga menuju ke arah tersebut.

"Saya amat berminat untuk menjalankan lebih banyak program sains dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan salah satu cara adalah membuat rancangan televisyen bertemakan sains bagi menarik minat golongan muda," katanya yang ditemui di Menara KBS, dekat sini, kelmarin.

Menyedari perkara tersebut katanya, dia bertekad untuk cuba membantu meningkatkan kecenderungan golongan pelajar teruta-

ma dalam kalangan sekolah rendah untuk lebih meminati bidang sains menerusi ilmu yang dimiliki.

Menurutnya, dia sangat berminat untuk menjalankan usaha meningkatkan aktiviti atau program sains di negara ini.

Jelasnya, sasaran dia ialah pelajar sekolah rendah bagi menggalakkan mereka meminati bidang sains yang penuh dengan keseronokan.

Menurutnya, pengalaman menyertai pelbagai program sains sepanjang di MOSTI mahu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Tegasnya, usaha memupuk minat golongan pelajar terhadap bidang sains bukan terletak di bahu kerajaan sahaja, sebaliknya semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

Sehubungan itu katanya, dia bertekad untuk menjalankan aktiviti yang boleh membantu menggalakkan kecenderungan golongan muda terhadap bidang sains.

Menuntut dalam bidang Biologi



PESERTA Program Felo Perdana bergambar kenangan dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau semasa pengantaraan *Leadership Lecture Series* kali ke-8 anjuran Alumni Felo Perdana pada bulan Januari lalu.

Molekular. Wen Xin telah ditugaskan di MOSTI berdasarkan kursus yang diambil di London.

Katanya, sepanjang bertugas di

MOSTI, dia melihat banyak peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh orang ramai di dalam bidang sains.

"Dunia sains sangat luas. Saya

melihat pelbagai peluang kerjaya yang boleh diterokai oleh anak muda apabila memilih bidang sains sebagai pilihan," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 24 MAC 2016 (KHAMIS)



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun (kanan) bersalaman dengan seorang peserta Program Felo Perdana, Aisya Bakar sambil disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin di Putrajaya tahun lalu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar (duduk, tengah) bersama sebahagian peserta Program Felo Perdana di Putrajaya pada 24 Ogos tahun lalu.

Felo Perdana bentuk pemimpin muda dinamik, berdaya saing

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN

PROGRAM Felo Perdana yang diperkenalkan kerajaan sejak tiga tahun lalu telah membuka peluang kepada golongan belia untuk menimba pengalaman secara langsung dalam urus tadbir negara.

Ia juga sekali gus memberikan ruang yang lebih luas kepada golongan muda di negara ini untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap sistem pentadbiran kerajaan.

Merupakan program inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Felo Perdana dilihat sebagai medium untuk melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang relevan berkaitan Kabinet negara.

Dalam tempoh tiga tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2013, ramai anak muda yang berbakat telah mendapat pengalaman melalui pengurusan dan pentadbiran kerajaan.

Sehingga kini, sebanyak 235 peserta telah terpilih untuk menyertai Felo Perdana dengan penyertaan pada 2013 iaitu sebanyak 70 orang; 2014 (84) dan 2015 (83).

Kesemua felo itu terdiri daripada wakil dari 107 buah universiti tempatan dan 12 buah universiti luar negara yang terpilih daripada 122 bidang pengajian.

Para peserta yang mengikuti Program Felo Perdana itu menganggap pemilihan mereka bukan sekadar satu kebanggaan, malah ia merupakan cabaran kepada golongan belia untuk menggalas tanggungjawab yang lebih besar.

Bagi mereka, melalui pro-



RAJWIN



JOHAN



LYDIA

gram tersebut membolehkan setiap peserta memahami bagaimana rumitnya untuk mentadbir sesebuah kerajaan atau kementerian agar sebarang masalah yang timbul mampu diselesaikan dan rakyat mendapat manfaatnya.

Proses penilaian Felo Perdana bagi tahun ini telah bermula, namun belia yang berminat untuk menyertai program tersebut masih diberi peluang lagi untuk menghantar permohonan yang dilanjutkan tarikh tutupnya sehingga penghujung bulan ini.

KBS yang merupakan perintis kepada program kepimpinan itu memberi fokus kepada golongan belia yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, juga graduan untuk memperkukuhkan rangkaian pemimpin muda yang menyokong agenda kerajaan.

Pemilihan mentor yang terdiri daripada menteri Kabinet adalah bagi memberikan pendekatan contoh kepimpinan yang boleh dicontohi oleh peserta.

Pelajar Tahun Tiga, Ijazah Perubatan dari Universiti Perdana, Serdang, Selangor, K. Rajwin Raja berkata, program itu secara tidak langsung

memberi ruang kepada golongan muda untuk menyuarakan pandangan terus kepada menteri yang berkenaan.

Rajwin yang menjadi felo kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam selama enam minggu bermula Ogos hingga September tahun lalu berkata, peluang yang diberi untuk bersempukan serta berkongsi pendapat dengan menteri merupakan satu peluang keemasan bagi dirinya.

"Dengan latar belakang saya sebagai pelajar perubatan dan menjadi felo di Kementerian Kesihatan Malaysia, ia secara tidak langsung memberi banyak pengalaman baharu kepada saya antaranya, memahami dasar-dasar kerajaan mengenai kesihatan serta peluang berinteraksi dan bekerja dengan kakitangan dari latar belakang yang berbeza.

"Ketika sesi bersama menteri, saya diberi peluang untuk menyuarakan pendapat saya mengenai beberapa perkara yang saya rasakan perlu ditambah baik dan melalui interaksi seperti ini, saya yakin ia akan memberi inspirasi kepada kementerian ke arah perubahan mengikut idea generasi muda dalam pengurusan kerajaan,"

katanya yang merupakan Felo Perdana Siswa.

Bagi **Johan Kamal Hamidon, 29**, yang berasal dari Petaling Jaya, Selangor, tugasnya sebagai felo kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid telah banyak membantunya menimba pengalaman sebagai penulis teks ucapan menteri serta melihat rentak perjalanan seorang menteri yang bertanggungjawab menjaga portfolio pendidikan negara.

"Felo yang menyertai program ini tidak hanya mengikut jadual menteri sebaliknya, kami juga diberi peluang untuk merasai unit serta jabatan lain dalam kementerian.

"Saya juga perlu banyak membaca untuk rujukan dan perlu berhati-hati terutamanya ketika membuat teks ucapan untuk program yang dihadiri menteri, mengikut menteri ke program-program perasmian serta terlibat dengan kerja-kerja pejabat," katanya yang merupakan Felo Perdana Graduan.

Johan yang merupakan lulusan Doktor Falsafah Biologi Selular dari University of Queensland, Australia kini bertugas sebagai Pengurus Kanan sebuah badan bukan kerajaan berkaitan belia di Selangor.

"Pengalaman yang diperoleh ketika berada di Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka minda saya mengenai dasar dan pembangunan negara khususnya dalam bidang pendidikan," katanya.

Sementara itu, **Lydia Hong, 24**, yang menjadi felo di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terharu apabila diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kementerian

serta mengikuti program menteri turun padang.

"Idea program ini menggunakan pendekatan yang mempunyai persamaan dengan program The White House Fellow Programme yang berteraskan beberapa elemen seperti mengenal pasti bakat kepimpinan muda, memberi pendedahan kerajaan yang mesra belia dan kepentingan kepada penglibatan yang strategik.

"Ketika di MOSTI, saya dapat melihat sendiri tugas seorang menteri yang perlu mengambil kira semua aspek serta nilai yang perlu diselaraskan sesuai dengan rakyat negara kita yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, agama dan sebagainya," jelasnya.

Lydia berkata, selain mengikuti program-program berkaitan kementerian, dia juga mengikuti program melibatkan Menteri MOSTI, Datuk Seri Madius Tangau yang merupakan Ahli Parlimen Tuaran.

"Semasa membuat keputusan, pemimpin perlu tahu bagaimana keputusan itu dibuat dan beliau juga memerlukan input baharu supaya keputusan yang dibuat tidak menimbulkan isu sebaliknya.

"Saya juga banyak memberi cadangan serta idea baharu kepada pihak terlibat kerana saya sememangnya berminat dengan program melibatkan belia dengan sains," katanya yang berkecualan Ijazah Biologi Molekul dari University College London.

Pemohonan untuk menyertai Program Felo Perdana ini masih dibuka sehingga tarikh tutup pada 31 Mac ini dan sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.perdanafellows.com.

Sarawak still 'safe' despite El Nino — Minister

By Jacqueline Raphael
reporters@theborneopost.com

MIRI: Sarawak is still 'safe' despite the El Nino phenomenon currently sweeping the state, with the highest temperature of 36.1 degrees Celsius recorded in Limbang last month.

Science, Technology and Innovation (Mosti) Minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau said this was because the height of the phenomenon had passed last month and the state would fully recover from it by June.

"The transition of northeast monsoon to southwest monsoon will bring implication to weather changes including heat wave and dry spells, and this El Nino phenomenon will slowly end in June," he told a press conference here yesterday.

The press conference was held in conjunction with the World Meteorology Day 2016 and the launching of Miri Meteorology Office and Meteorology Radar Station at Airport Road.

Though the peninsula recorded

The transition of northeast monsoon to southwest monsoon will bring implication to weather changes including heat wave and dry spells, and this El Nino phenomenon will slowly end in June.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Science, Technology and Innovation (Mosti) Minister

a higher temperature which led to closure of schools in some states, Madius said the temperature in Sarawak was not that high.

"The government has set up a National Haze, Heat Wave and Dry Spell Committee to handle issues related to this heat wave phenomenon, including cloud seeding, school closures and others," he said.

Madius advised the public to reduce outdoor activities and drink at least three litres of water a day to overcome heat wave and avoid direct heat or heat stroke.

He disclosed that the government had approved a RM68-million allocation to improve the capability and services of the Malaysia Meteorology Department (MET Malaysia) including in

Sarawak.

"Sarawak has eight meteorology stations and I, as the minister in charge, am satisfied with the services provided by MET Malaysia in Sarawak, especially in terms of weather forecasting," he said.

Commenting on the new Miri Meteorology Office, he said it is a one-stop centre for the public to get updates on weather forecast, climate warnings and sea conditions, and is equipped with monitoring devices including tsunami watch.

"Miri Meteorology Radar Station started operation on July 1, 2010 and is responsible for monitoring the weather in Miri, Marudi, Bario, Ba Kelalan, Limbang, Lawas and northern Bintulu. At the moment, Sarawak



Madius watering plants which he just planted at the new Miri Meteorology Office along Miri Airport Road as others look on.

has three radar stations which are in Kuching, Bintulu and Miri," he said.

He added Miri Meteorology Office also compiles all data

related to weather, wind direction, air pressure, air moisture and visibility.

Also present at the function were Mosti deputy secretary-

general Prof Madya Dr Ramtah Dambul, MET Malaysia director-general Datuk Che Gayah Ismail and Sarawak Meteorology Office director Wong Teck Kiong.

Suhu panas di S'wak masih selamat

Selamat meskipun bacaan suhu paling panas pernah direkod di Limbang mencecah sehingga 36.1 darjah Celsius pada Feb

Oleh Mohd Norhafid Sahari

MIRI: Cuaca panas dialami Sarawak ketika ini masih lagi selamat meskipun bacaan suhu paling panas pernah direkod di Limbang mencecah sehingga 36.1 darjah Celsius pada Februari lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata suhu kemuncak El-Nino pada Februari lepas dan suhu panas berlaku ketika ini dijangka pulih pada Jun akan datang.

"Peralihan monsun timur laut kepada barat daya nanti akan membawa implikasi kepada perubahan cuaca termasuk cuaca panas, kering dan lembap namun keadaan itu akan pulih pada Jun kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2016, Pejabat Meteorologi dan Stesen Radar Meteorologi Miri semalam.

Menurutnya, meskipun bacaan cuaca paling panas berlaku terutama di kawasan utara Sarawak iaitu Miri dan Limbang, namun keadaan itu masih lagi selamat berbanding di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

"Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Jerebu, Cuaca Panas dan Kering Kebangsaan bagi menangani isu berkaitan cuaca panas termasuk pembenihan awam,



RASMI SUDAH: Madius (kiri) melakukan simbolik perasmian Hari Meteorologi Sedunia 2016, Pejabat Meteorologi dan Stesen Radar Meteorologi Miri semalam.

tindakan penutupan sekolah dan sebagainya," jelasnya.

Madius turut menasihati orang awam agar sentiasa mengurangkan aktiviti luar dan minum sekurang-kurangnya tiga liter air bagi mengelak gelombang haba secara langsung termasuk serangan strok haba.

Pada masa sama, kerajaan juga melulus peruntukan berjumlah RM68 juta bagi meningkatkan keupayaan

dan perkhidmatan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) termasuk di Sarawak.

"Sarawak mempunyai lapangan stesen meteorologi dan saya sebagai menteri bertanggungjawab amat berpuas hati dengan perkhidmatan disediakan MET Malaysia di Sarawak terutama bacaan semasa cuaca," jelasnya.

Mengulas mengenai Pejabat Meteorologi Miri, ia juga

menjadi pusat sebhenti (one-stop) kepada orang ramai mendapatkan ramalan, amaran cuaca dan keadaan laut dan dilengkapi dengan peralatan memantau cuaca termasuk tsunami.

"Stesen Radar Meteorologi Miri beroperasi pada 1 Julai 2010 dan berperanan memantau cuaca sekitar Miri, Marudi, Bario, Ba'Kelalan, Limbang, Lawas dan Utara Bintulu, sehingga

“Peralihan monsun timur laut kepada barat daya nanti akan membawa implikasi kepada perubahan cuaca termasuk cuaca panas, kering dan lembap namun keadaan itu akan pulih pada Jun kelak.”

Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

kini Sarawak ada tiga stesen radar iaitu Kuching, Bintulu dan Miri," jelasnya.

Pejabat Meteorologi Miri juga memainkan peranan mempercepat semasa data berkaitan cuaca merangkumi suhu, arah dan kelajuan angin, tekanan, kelembapan udara serta jarak ketampakan secara masa nyata.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI Profesor Madya Dr Ramzah Dambul, Ketua Pengarah MET Malaysia Datuk Che Gayah Ismail dan Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak Wong Teck Kiong.

Kedah, Perlis schools reopen

BEARABLE:

Temperature drops to below 38°C in last 72 hours

AZURA ABAS
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

A LOWER mercury reading for the past three days allowed students in Perlis and Kedah to resume their lessons today.

The Education Ministry, in a statement, said all schools in the two states would re-open as temperature readings, recorded in the last 72 hours, was below 38°C.

Following the intense hot weather, coupled with the equinox phenomenon, all schools in the two northern states were closed on Tuesday and yesterday following advice by the Science, Technology and Innovation Ministry; the Malaysian Meteorological Department; Natural Resources and Environment Ministry and the Health Ministry.

The Education ministry urged schools, especially in the two states, to take precautionary measures, including stopping all outdoor activities until further notice.

"The school management must make sure there is enough supply of clean water in the schools," it said.



Pupils dressed in T-shirts having lessons at SK Raja Muda Seksyen 4, Shah Alam, yesterday, after the school relaxed the ruling on school uniforms. Pic by Mohd Asri Saifuddin Mamat

The ministry also urged schools to work with medical practitioners in nearby hospitals and clinics for any possible complications related to students' health due to the hot and dry weather.

Last week, the government decided that schools would be temporarily closed should the temperature sur-

pass 37°C for more than three days.

If the temperature exceeded 40°C for more than one week, a heatwave emergency would be called.

The Natural Resources and Environment Ministry advised the public to minimise outdoor activities as the heatwave is expected to end only in May.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday

said there were 35 cases of heat-related illnesses were reported between March 1 and Tuesday.

He said there were five cases of heat cramps, 25 cases of heat exhaustion and five cases of heatstroke.

A police trainee, who was undergoing training, died of heatstroke at the Segamat Police Training Centre in Johor last week.

Schools reopen today in Kedah, Perlis

PETALING JAYA — Classes will resume today in all schools nationwide, including those in Perlis and Kedah, according to the Education Ministry.

The ministry said in a statement the decision was based on observations made throughout the dry and hot weather period of three days until yesterday.

"We found temperatures were below 38 degrees," it said.

However, the ministry also reminded schools to take precautionary measures.

"All activities outside of the classroom are suspended until further notice. The schools should also ensure there is enough drinking water for students," the statement read.

"We also want schools to be vigilant and cooperative with neighbouring or

nearby health clinics and hospitals should any student develop complications due to the hot weather."

The ministry said all state education departments and district education offices had been instructed to monitor schools to ensure they follow the directives.

The ministry will issue statements or make announcements should there be any changes to the weather.

The government is also considering cloud-seeding to counter the hot and dry spell.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said it would be carried out based on necessity and how conducive weather conditions are to create rain-bearing clouds.

"State governments also need to step up their enforcement to prevent forests from encroachment, illegal land clearing and open burning," he said in a statement to Bernama.

He said an alternative solution would be to build tube wells for domestic and agricultural requirements.

"Underground water can be channelled from the wells to dry areas during hot and humid weather or when there is a drought," he said.

The minister also urged the public to cut down on outdoor activities and drink more water.

According to the **Meteorological Department**, the hot and dry weather associated with the El Nino phenomenon would only end in June.

'Cloud seeding is an option'

KANGAR: The government is considering cloud seeding to counter the current hot and dry spell.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Shahidan Kassim said the process would be carried out based on need and conducive weather conditions to trigger cumulonimbus clouds.

"The state governments also need to step up their enforcement to prevent forests and bushes from encroachment and open burning," he said in a statement to Bernama here.

He said an alternative solution would be to build tube wells for domestic and agricultural requirements.

"Underground water can be channeled from the well to dry areas during normal or drought season," he said.

Meanwhile, the minister urged the public to reduce outdoor activities and drink more water to avoid dehydration against the sweltering heat.

According to the Meteorological Department, the hot and dry weather associated with El-Nino would end in May or June. - Bernama

Pertimbang pembenihan awan tangani cuaca panas

KANGAR - Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan pembenihan awan dalam usaha menangani keadaan cuaca panas dan kering yang dialami sekarang.

Namun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, usaha itu bergantung kepada keperluan dan cuaca yang membolehkan pembenihan awan untuk mewujudkan awan kumulonimbus dilakukan.

"Selain itu, kerajaan negeri pula perlu mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan kawasan hutan dan belukar tidak diceroboh dan mencegah kebakaran terbuka," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan kebakaran terbuka dilakukan mereka tidak ber-

tanggungjawab dan kerajaan negeri mesti mengambil tindakan membendung perbuatan ini.

Bagi penyelesaian jangka panjang untuk memperoleh air, beliau berkata, telaga tiub boleh diadakan sebagai alternatif untuk pengaliran dan simpanan sumber air.

"Air boleh disedut dari telaga tiub di bawah tanah pada musim biasa atau kemarau sepanjang tahun untuk dialirkan ke kawasan kering pada musim panas," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar mengurangkan aktiviti luar dan minum banyak air bagi memastikan badan mereka tidak mengalami hidrasi.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering akibat fenomena El-Nino berakhir pada Mei atau Jun ini. - *Bernama*

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (FORUM) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 24 MAC 2016 (KHAMIS)

Kurangkan aktiviti luar

SAUDARA PENGARANG,

PAKAR Meteorologi Malaysia meramalkan negara kita akan mengalami cuaca panas khususnya di negeri-negeri sebelah utara Semenanjung. Setakat ini tahap suhu dicatatkan khususnya di negeri-negeri berkenaan adalah antara 35 darjah Celsius hingga 39 darjah Celsius.

Dengan tahap kepanasan sebegitu, kita telah diingatkan supaya mengambil beberapa inisiatif sebagai langkah berjaga-jaga terhadap penjagaan kesihatan masing-masing.

Apa yang perlu kita lakukan adalah minum air kosong dengan banyak tanpa mengira aktiviti fizikal yang dilakukan. Jangan tunggu sehingga dahaga. Kita dikehendaki minum air kosong sekurang-kurangnya lapan gelas dalam sehari. Paling penting jadikannya sebagai amalan harian.

Selain akan memastikan suhu badan sentiasa normal amalan ini juga akan membolehkan tubuh kita tidak dijangkiti dengan beberapa penyakit seperti selesema, sakit kepala dan hidung berdarah,

Di samping itu juga, kita digalakkan mengambil minuman isotonik kerana boleh menggantikan garam dan mineral yang hilang ketika berpeluh.

Dalam pada itu cuaca persekitaran kita yang agak panas boleh menyebabkan badan menjadi lesu dan tidak bermaya terutama ketika melakukan aktiviti-aktiviti harian. Selain itu



Selain akan memastikan suhu badan sentiasa normal amalan ini juga akan membolehkan tubuh kita tidak dijangkiti dengan beberapa penyakit seperti selesema, sakit kepala dan hidung berdarah.

pendedahan berlebihan kepada cahaya ultra ungu (UV) daripada sinaran cahaya matahari juga boleh merosakkan DNA dan seterusnya menyebabkan barah kulit.

Disyorkan juga supaya kita sentiasa memakai kaca mata hitam yang mempunyai pelindung UV ketika berada di luar. Menurut pakar, tahap kepanasan yang boleh memudaratkan kesihatan adalah di antara pukul 11 pagi sehingga 3 petang. Saat ini adalah waktu yang kemuncak kepanasan. Oleh itu, kurangkan melakukan aktiviti harian pada waktu tersebut.

Sekiranya kita tidak menitik berat perkara tersebut dibimbangi kita terpaksa menanggung pelbagai penyakit yang timbul kesan daripada fenomena panas terlampau.

SITI NURZAIMAH ABDUL RASHID
Bachok, Kelantan



Hujan Gerimis Jejas Pencerapan Gerhana Bulan Di KL

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Pencerapan gerhana bulan penumbra malam ini terjejas berikutan hujan gerimis, namun ia tidak menghalang orang ramai mengunjungi Planetarium Negara di sini.

Gerhana bulan penumbra berlaku bila bulan keluar sepenuhnya dari bayang penumbra bumi pertama kali buat tahun ini antara 7.30 malam hingga 9.30 malam ini.

Planetarium Negara bagaimanapun menyediakan televisyen dan "skrin besar" bagi memaparkan visual gerhana bulan secara langsung yang diperolehi dari menara pencerapnya.

Walaupun tidak dapat melihat dengan jelas, hampir 500 pengunjung ke Planetarium Negara tetap menunggu hingga gerhana berakhir.

Kali terakhir gerhana bulan penumbra berlaku ialah pada 28 Nov 2012, dan tahun ini ia dijangka berlaku lagi pada 17 Sept ini.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Dr Noordin Ahmad memberitahu pemberita terdapat perbezaan antara gerhana bulan penumbra dengan gerhana bulan.

Gerhana bulan penumbra ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan memerlukan alat bantuan seperti teleskop, dan perlu menghadap ke arah timur iaitu arah ketika bulan terbit, katanya.

Beliau berkata gerhana bulan boleh dilihat mata kasar tanpa memerlukan bantuan peralatan.

Seorang pengunjung, Ramamurthy Desu Naidu, 17, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Jaya yang teruja untuk melihat gerhana bulan penumbra agak terkilan kerana cuaca yang tidak menggalakkan malam ini.

Beliau yang meminati bidang astronomi, sebelum ini hanya melihat fenomena itu melalui YouTube, dan amat teruja untuk melihatnya malam ini.

"Tahun lalu pun saya juga tidak melepaskan peluang untuk melihat gerhana bulan penuh tetapi kali ini gerhana bulan penumbra tidak dapat dilihat dengan jelas," katanya kepada Bernama.

Suri rumah Azira Aziz, 36, berkata, kehadirannya di Planetarium Negara bersama suami dan tiga anaknya adalah untuk memberi pendedahan mengenai dunia angkasa kepada anak-anaknya yang berumur antara empat hingga 11 tahun.

Beliau berharap pendedahan itu di peringkat awal dapat memupuk minat anak-anaknya mengenai kejadian alam semula jadi.

Program malam ini yang dianjurkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan syarikat Starfield Instruments Supply turut mengadakan beberapa aktiviti termasuk taklimat mengenai gerhana bulan penumbra, pencerapan planet Musytari, "Space Glow In The Dark", dan tayangan filem "Earth, Moon and Sun".



PELAJAR, Noor Ainun Jariah Noor Harun (kanan) bersama Zulfati Zarli Zainal Abiddin (tengah) dan Aliah Adlina Sahrol Nizam menyaksikan fenomena gerhana bulan penumbra di Planetarium Negara.

‘Sukar dilihat’

■ Lebih 200 pengunjung saksikan fenomena gerhana bulan penumbra di Planetarium

Oleh Mohd Nasif Badruddin
mnasif@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Lebih 200 pengunjung menyaksikan fenomena gerhana bulan penumbra di Planetarium Negara, semalam.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara Dr Nordin Ahmad berkata, fenomena itu adalah gerhana bulan pertama tahun ini dan diameter bulan yang dilihat lebih kecil daripada diameter purata bulan memandangkan gerhana berlaku 21 hari sebelum bulan berada pada kedudukan paling jauh dari bumi.

Katanya, gerhana bermula dengan fasa penumbra pada jam 5.39 petang dan gerhana maksimum pula

berlaku pada jam 7.47 malam dengan bulan berada pada ketinggian 5.6 darjah dari ufuk timur.

“Fenomena ini hanya dapat disaksikan di Malaysia apabila bulan mulai terbit dari jam 7.21 malam hingga jam 9.55 malam apabila bulan keluar sepenuhnya dari bayang penumbra bumi.

“Ia amat sukar jika dilihat dengan mata kasar kerana bayang-bayang penumbra bumi adalah lebih samar jika dibandingkan dengan bayang-bayang penumbra bumi yang lebih gelap.

“Peluang untuk melihat kesan gerhana akan men-

jadi lebih baik atau lebih jelas jika menggunakan peralatan bantuan seperti binokular atau teleskop,” katanya.

Menurutnya, pelbagai aktiviti lain turut diadakan antaranya taklimat gerhana bulan penumbra, trivia astronomi, cabutan bertuah, pencerapan gerhana bulan penumbra dan planet Musytari, aktiviti Space Glow

In The Dark dan tayangan video Earth, Moon and Sun.

Katanya, fenomena gerhana bulan penumbra akan dapat disaksikan lagi di negara ini pada 17 September depan.

FAKTA
Fenomena itu adalah gerhana bulan pertama tahun ini



Pelepasan Sisa Secara Haram Mungkin Punca Air Sungai Nyior Hitam

KUANTAN, 23 Mac (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang tidak menolak kemungkinan bahawa pelepasan sisa atau bahan buangan secara haram menjadi penyebab air Sungai Nyior di perumahan Balok Baru di sini, bertukar menjadi hitam.

Pengarahnya Rosli Zul berkata dakwaan itu berdasarkan pemerhatian awal yang mendapati wujud bau tidak menyenangkan dan tiada aktiviti berpotensi menyebabkan pencemaran seperti kawasan perindustrian di sekitar sungai sepanjang tiga kilometer itu.

"Siasatan awal juga mendapati kawasan yang tercemar hanya sekitar 350 meter dari Jambatan Balok Baru. Mungkin berlaku pihak tidak bertanggungjawab melepaskan sisa tercemar pada waktu tidak ramai orang seperti tengah malam.

Tiada akses lain untuk ke sungai ini kerana ini adalah kawasan belukar. Hanya jambatan ini yang ada potensi untuk pelepasan haram dilakukan," katanya kepada pemberita selepas melawat sungai itu di sini, Rabu.

Rosli turut menolak kemungkinan perubahan warna air sungai itu disebabkan warna daripada paya gambut kerana bau air yang tidak menyenangkan itu tidak sama dengan bau air sungai semula jadi.

Rosli menambah keadaan air pasang surut pula berkemungkinan menjadi punca air hitam 'merebak' sejauh 350 meter dari jambatan itu dan kesan hitam dapat dilihat di tebing sungai semasa air surut.

Beliau juga memaklumkan pihaknya telah mengambil sampel air sungai itu pada Ahad lepas, dan Jabatan Kimia dijangka akan mengeluarkan keputusan analisis dalam tempoh dua minggu.

"Kami juga mengambil sampel dari loji kumbahan dan tapak pelupusan sampah yang terletak kira-kira dua kilometer dari sungai bagi tujuan pepadanan, walaupun pemerhatian awal berpendapat potensi pencemaran berpunca akibat aktiviti di situ adalah kecil.

"Pemantauan visual dari arah jambatan berhampiran tapak pelupusan sampah Jerangau-Jabor mendapati air sungai di situ adalah biasa dan tiada pencemaran manakala loji kumbahan juga tiada melakukan pelepasan sisa dalam tempoh terdekat" katanya.

Rosli menambah JAS juga akan mencadangkan langkah terbaik untuk memulihkan sungai itu selepas memperoleh keputusan analisis.

Beliau juga menasihatkan orang ramai yang gemar memancing di sungai berkenaan untuk menghentikan aktiviti terbabit sehingga keadaan sungai kembali normal dan punca perubahan warna itu diketahui.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 24 MAC 2016 (KHAMIS)



ROSLI menunjukkan contoh air berwarna hitam ketika membuat tinjauan di Sungai Nyior, Balok Baru, Kuantan semalam.

Pelepasan sisa dipercayai punca air Sungai Nyior hitam

KUANTAN - Jabatan Alam Sekitar Pahang tidak menolak kemungkinan pelepasan sisa atau bahan buangan secara haram menjadi penyebab air Sungai Nyior di Balok Baru di sini bertukar menjadi hitam sejak Jumaat lalu.

Pengarahnya, Rosli Zul berkata, dakwaan itu berdasarkan pemerhatian awal yang mendapati wujud bau tidak menyenangkan dan tiada ak-

tiviti berpotensi menyebabkan pencemaran seperti kawasan perindustrian di sekitar sungai sepanjang tiga kilometer itu.

"Siasatan awal juga mendapati kawasan yang tercemar terletak hanya sekitar 350 meter dari Jambatan Balok Baru. Mungkin berlaku kes pihak tidak bertanggungjawab melepaskan sisa tercemar di jambatan ini.

"Ini kerana hanya di jam-

batan ini yang ada potensi perbuatan itu dilakukan. Tiada akses lain untuk ke sungai tersebut yang dikelilingi belukar," katanya selepas meninjau sungai itu semalam.

Rosli memberitahu, keadaan air pasang surut pula berkeungkinan menjadi punca air hitam merebak sejauh 350 meter dari jambatan itu dan kesan hitam dapat dilihat di tebing sungai semasa air surut.

Beliau juga memaklumkan pihaknya telah mengambil sampel air sungai itu pada Ahad lalu dan **Jabatan Kimia** dijangka mengeluarkan keputusan analisis dalam tempoh dua minggu.

"Kami juga mengambil sampel dari loji kumbahan dan tapak pelupusan sampah yang terletak kira-kira dua kilometer dari sungai bagi tujuan pemedanan," ujarnya.



ASEANAPOL Tubuh Pangkalan Data Forensik Berkaitan Jenayah Rentas Sempadan

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Bahagian Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mewujudkan sistem pangkalan data forensik pada 2017 khusus untuk mengenal pasti penjenayah dalam aktiviti jenayah rentas sempadan.

Ketua Penolong Pengarah D13 Jabatan Siasatan Jenayah (Databank DNA) SAC Hussein Omar Khan berkata sistem itu diwujudkan bersama Polis ASEAN (ASEANAPOL) bagi membolehkan perkongsian maklumat di antara agensi penguat kuasa itu.

Katanya ia juga akan menjadikan ASEAN sebagai rantau yang komited dalam membanteras jenayah penyeludupan dadah, senjata api dan pemerdagangan manusia.

Menurut Hussein, pangkalan data itu akan mempunyai maklumat penjenayah yang disyaki termasuk maklumat ujian asid deoksiribonukleik (DNA), cap jari, maklumat ujian balistik dan wajah penjenayah.

"Kami sedang dalam proses rangka kerja untuk mewujudkan pangkalan data itu," katanya kepada Bernama baru-baru ini sempena sambutan Hari Polis ke-209 esok.

Beliau berkata dengan adanya pangkalan data itu, PDRM dapat mengesan suspek dengan lebih cepat berbanding sebelum ini yang memerlukan permohonan rasmi kepada negara ASEAN terbabit untuk mendapatkan maklumat penjenayah.

Hussein berkata pangkalan data itu tidak melibatkan maklumat mengenai pengganas kerana ia akan dimasukkan ke dalam sistem khas yang lain oleh PDRM.

Sejajar dengan pengalaman PDRM lebih daripada dua abad, Hussein bangga dengan perkembangan tugas Bahagian Forensik PDRM yang turut berkembang merentasi sempadan negara antaranya termasuk membuat tugas Pencegaman Mangsa Bencana (DVI) di luar negara.

Beliau berkata bahagian itu terbabit menjalankan siasatan DVI seperti kejadian tsunami di Aceh pada 2004, pesawat AirAsia Indonesia yang terhempas pada 28 Dis 2014 dan tragedi pesawat Malaysia Airlines MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine pada 17 Julai 2014.

"Jika kepakaran DVI diperlukan kami akan menyertainya di bawah payung Polis Antarabangsa (Interpol) kerana kita mempunyai pengalaman luas," katanya.

Hussein yang juga Komander Pasukan DVI berkata DVI dianggotai 60 anggota yang terdiri daripada pegawai polis, pakar perubatan, forensik, pergigian dan ahli kimia.

Menurutnya, Makmal Forensik PDRM yang diwujudkan pada 2002 di Cheras di sini mendapat pengiktirafan daripada **Jabatan Standard Malaysia** menerusi sijil MS ISO/EC 17025:2005 untuk sistem pengurusan kualiti makmal berkenaan.

Katanya peralatan serta kaedah yang digunakan forensik PDRM kini setanding dengan negara maju yang lain.

"Anggota forensik PDRM mendapat latihan di Australia serta Amerika Syarikat dan keputusan daripada forensik PDRM diterima pakai mahkamah di negara ini," katanya.

Hussein turut mencadangkan supaya pasukan forensik diperluaskan ke setiap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bagi membolehkan siasatan terhadap kes dilakukan dengan cepat.

"Ketika ini pasukan forensik hanya ada di peringkat kontinjen, dan jika ada di setiap IPD, ia akan memudahkan lagi kerja penyiasatan," katanya.

-- BERNAMA